TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN PADA MALAM JASA MU DIKENANG BAGI MERAIKAN TUAN HAJI AYOB ISMAIL DAN KU HALIM KU ARIFFIN DI HOTEL PUTRA PALACE KANGAR PADA 31 MAC 2004.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF SERTA ISTERI,

PEGAWAI UTAMA KUKUM

KETUA-KETUA JABATAN

DEKAN-DEKAN

WAKIL-WAKIL MEDIA DAN

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM SAYA MULAKAN KATA PEMBUKA MAJLIS. SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T DI ATAS LIMPAH KURNIA-NYA DAPAT SEKALI LAGI KITA BERKAMPUNG DI MALAM YANG PENUH BERMAKNA INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

TIDAK DAPAT SAYA BAYANGKAN, DIAM TAK DIAM SUDAH MASUK TAHUN KETIGA KUKUM DITUBUHKAN DI BUMI BERTUAH INI. BEGITU PANTAS MASA BERLALU. DALAM USIA DUA TAHUN INI SUDAH PELBAGAI ONAK DAN RANJAU KITA LALUI BERSAMA. SUDAH BANYAK KEJAYAAN KITA KECAPI SEPANJANG TEMPOH TERSEBUT.

BENARLAH SUDAH KATA BIDALAN, BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT. DEK KERANA PEMUAFAKATAN KITA ITULAH KUKUM BOLEH BERDIRI MEGAH DAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA BOLEH TERSENYUM PADA HARI INI.

BUKAN MUDAH MAHU MELAKAR SEJARAH DAN BUKAN SEDIKIT USAHA, TENAGA SERTA PENGORBANAN YANG DIGEMBLENG UNTUK SAMPAI KE TAHAP HARI INI. PEPATAH INGGERIS JUGA ADA MENYEBUT, 'ROME WAS NOT BUILT IN ONE DAY' BEGITULAH KITA DI KUKUM INI.

SAYA IBARAT NAKHODA MENGEPALAI BAHTERA DAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEBAGAI ANAK KAPAL. KITA BELAJAR BERSAMA MENEMPUH BADAI DAN TAUFAN UNTUK SAMPAI KE DESTINASI YANG DITUJU. NAKHODA PASTI TERSESAT KALAU TIDAK PUNYA JURUMUDI YANG CEKAP. TANPA NASIHAT SERTA PANDUAN SI JURUMUDI PASTI BAHTERA AKAN KARAM DI LAUTAN. TANPA ANAK KAPAL YANG GIGIH MENDAYUNG IMPIAN KITA UNTUK BERLABUH AKAN HANYA MENJADI ANGAN-ANGAN SI JENIN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MARILAH KITA RENUNG SEJENAK ERA ZAMAN KEGEMILANGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA DI BAWAH PEMERINTAHAN SULTAN MANSUR SHAH. CEMERLANG,GEMILANG DAN TERBILANGNYA NEGERI MELAKA SEANTERO PELUSUK NUSANTARA HINGGA BERTEMUNYA PEDAGANG ARAB, INDIA DAN CHINA BUKANLAH KERANA BIJAKSANANYA BENDAHARA TUN PERAK MENJADI PENASIHAT SULTAN, BUKANKAH JUGA KERANA HANDALNYA LAKSAMANA HANG TUAH MENEWASKAN MUSUH.

SEPERTI ORANG MAHU MEMBINA RUMAH, KALAU TIANG BELUM DITANAM MASAKAN RUMAH MAHU DIATAPKAN DULU. SEBEGITULAH JUJURNYA PANDANGAN SAYA KEPADA DUA ORANG TOKOH INI. MEREKA YANG SAYA MAKSUDKAN TIDAK LAIN DAN TIDAK BUKAN IAITU TUAN HAJI AYOB ISMAIL DAN EN. KU HALIM KU ARIFFIN.

BERSAMA-SAMA MEREKA SAYA, PROF. DR. ALI YEON, PN. HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURRUDDIN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN YANG LAIN ADALAH ANTARA INDIVIDU PERINTIS YANG TERLIBAT DALAM PEMBUKAAN KUKUM.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

TUJUAN 'MALAM JASAMU DIKENANG' INI ADALAH UNTUK MERAI KEDUA-DUA INSAN INI YANG TELAH BANYAK MENABUR BAKTI MENYUMBANG JASA SEDARI AWAL PENUBUHAN KUKUM ITU SENDIRI. JASA, PENGORBANAN DAN SUMBANGAN YANG MEREKA BERIKAN TIDAK TERNILAI HARGANYA KEPADA SAYA KHUSUSNYA DAN KUKUM AMNYA.

TANPA KEGIGIHAN MEREKA SAYA TIDAK MAMPU MENJADI NAKHODA YANG BAIK. KEGIGIHAN MEREKA BERDUA SELAMA INI MENJADI PENDORONG BUAT SAYA DAN KAKITANGAN YANG LAIN UNTUK TERUS BERJUANG BERSAMA-SAMA MEMBINA KUKUM DARI SEURAT BENANG MENJADI SELEMBAR KAIN.

ADAT ORANG BERKASIH, ADA GEMBIRA PASTI JUGA ADA DUKA. BAGI TUAN HAJI AYOB, WALAUPUN HAD PERSARAAN WAJIB SUDAH SAMPAI KE PENGHUJUNGNYA TETAPI KONTRAK PERKHIDMATANNYA DISAMBUNG DAN AKAN TERUS BERKHIDMAT BERSAMA KUKUM. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN. SEMOGA IDEA DAN BUAH FIKIRAN TUAN HAJI AYOB SEBAGAI ORANG YANG CUKUP BERPENGALAMAN AKAN TERUS SUBUR DALAM MEMBANTU KITA DI KUKUM DI MASA-MASA AKAN DATANG.

TERKEJUT DAN TERMANGGU SEKETIKA PABILA SAYA MENDENGAR PERMINTAAN EN. KU HALIM YANG MAHU BERTUKAR PROFESION DARI PENDAFTAR KE JAWATAN PENSYARAH. SEAKAN-AKAN SAYA BERMIMPI DI SIANG HARI. SAYA AKUR DAN REDHA DENGAN KEPUTUSAN BELIAU WALAUPUN JAUH DISUDUT HATI SAYA BERAT UNTUK MENGIAKANNYA. ITULAH SURATAN TAKDIR. BANYAK PERKARA KEKADANG BERLAKU DI LUAR KAWALAN KITA SEBAGAI HAMBA-NYA YANG LEMAH.

PUN BEGITU SAYA PERCAYA DENGAN PENGALAMAN YANG SARAT DI DADA SERTA ILTIZAM BELIAU, KU HALIM MAMPU MENJADI SEORANG PENSYARAH YANG TERBAIK. INSYAALLAH... SELAMAT MAJU JAYA SAYA UCAPKAN. NAMUN SAYA BERHARAP KU HALIM SEDIA MEMBANTU PIHAK PENTADBIRAN DI MASA-MASA AKAN DATANG.

DI KESEMPATAN INI JUGA SAYA BERHARAP KAKITANGAN YANG LAIN AKAN TERUS MELIPATGANDAKAN USAHA DENGAN BEKERJA LEBIH KERAS DEMI MEMARTABATKAN KUKUM DI MATA DUNIA PENDIDIKAN BAIK DI DALAM NEGARA MAHUPUN LUAR NEGARA. HARUS DIINGAT KERJA KERAS KITA HARI INI HARUSLAH DENGAN NIAT YANG IKHLAS TANPA MENGHARAPKAN APA-APA BALASAN SERTA GANJARAN DI HARI ESOK.

KITA IBARATKAN LILIN YANG MEMBAKAR DIRI. BIAR TERKORBAN ASALKAN KUKUM BISA MENJADI IPTA YANG TERSOHOR. INSYAALAH. JASA DAN PENGORBANAN KITA MUNGKIN TIDAK DISEBUT OLEH ORANG HARI INI TAPI PERCAYALAH SUATU HARI NANTI APABILA KITA TERDENGAR-DENGAR TENTANG KUKUM, PASTI TERSIMPUL RAPI SENYUMAN KITA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA TUAN HAJI AYOB DAN EN. KU HALIM DI ATAS SUMBANGAN DAN JASA MEREKA KEPADA KUKUM. UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA TETAMU YANG HADIR DAN SYABAS KEPADA PIHAK URUSETIA YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS BEKERJA UNTUK MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. ANDAI ADA TERSILAP KATA MAAFKANLAH SAYA. SESUNGGUHNYA YANG BAIK ITU DATANGNYA DARI ALLAH DAN KURANG ITU ATAS KELEMAHAN DIRI SAYA SENDIRI.

TENANG-TENANG AIR LAUT SAMPAN KOLEK MUDIK KE TANJUNG HATI TERKENANG MULUT MENYEBUT BUDI BAIK RASA NAK JUNJUNG

TANAM LENGGUN TUMBUH KELAPA TERBIT BUNGA PUCUK MATI BUDI TUAN SAYA TAK LUPA SUDAH TERPAKU DALAM HATI

SEKIAN TERIMA KASIH DAN SAYA SUDAHI DENGAN UCAPAN WASALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.